

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

## Pelancaran Inisiatif Terangi Dunia untuk Krismas 2021

Kelahiran Yesus Moden dipaparkan dalam video baharu

Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah melancarkan inisiatif tahunan Krismas Terangi Dunia dalam usaha untuk “Terangi Dunia dengan Kasih,” yang merupakan tema tahun ini.

“Yesus Kristus adalah cahaya dunia,” kata [Elder Marcus B. Nash](#), Penguasa Umum Tujuh Puluh. “Mereka yang mengikut Dia hidup dengan cahaya, kegembiraan dan harapan — bahkan dalam masa kegelapan (Yohanes 8:12). Semasa kita mengingati kelahiran-Nya pada musim Krismas ini, marilah kita turut mengingati teladan kehidupan-Nya dan hal-hal yang Dia ajarkan kepada kita.”



“Kita boleh mengangkat cahaya-Nya dengan melakukan apa yang Dia lakukan: untuk mengasihi Tuhan dan mengasihi sesama kita dengan mengangkat mereka yang jatuh, membantu memenuhi keperluan mereka yang memerlukan, dan menghiburkan mereka yang terluka,” tambah Elder Nash. “Melakukan ini akan membolehkan cahaya-Nya bersinar dalam dan melalui kita dan akan membawa cahaya dan kedamaian kepada dunia yang bermasalah, satu demi satu. Kami menjemput semua orang— di mana-mana — untuk menyertai kami dalam meraikan kelahiran-Nya dan untuk Terangi Dunia dengan Kasih.”

Kalendar yang dipenuhi dengan idea pelayanan tersedia dalam talian. Dorongan harian bermula pada 1 Disember, dan berterusan selama 25 hari menjelang Hari Krismas.

Untuk maklumat lanjut, termasuk video baharu Kelahiran Yesus moden dipaparkan pada [Christ.org.my](http://Christ.org.my)